



Majlis Jasa Dikenang hargai sumbangan pegawai universiti

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan Majlis Jasa Dikenang bagi menghargai sumbangan khidmat bakti seramai 15 pegawai universiti yang pernah dilantik menyandang jawatan giliran pentadbiran dan pegawai yang bersara dari perkhidmatan pada tahun 2013 dalam majlis yang diadakan di Hotel Zenith, Kuantan pada 19 Disember 2013 yang lalu.

Pada masa yang sama, majlis turut memberikan penghargaan kepada dua waris kepada pegawai yang telah kembali ke rahmatullah sebagai mengenang jasa dan pengorbanan Allahyarham Profesor Dr. Abdul Razak dari Fakulti Teknologi dan Allahyarhamah Azian Abdul Rahman dari Perpustakaan di atas curahan khidmat bakti kedua-duanya sepanjang bertugas di universiti ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program ini merupakan manifestasi tanda penghormatan dan penghargaan kepada pegawai dan bekas pegawai yang telah memberikan sumbangan dan berkhidmat dengan cemerlang di UMP.

"Sebagai penjawat awam, slogan 'Berkhidmat Untuk Negara' amat sinonim bukan sahaja tertumpu semata-mata atas kepentingan perkhidmatan namun membabitkan soal amanah dan ibadah malahan apa sahaja yang dilakukan bukan

sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk organisasi yang disertai," ujar beliau semasa menyampaikan ucapan dalam majlis berkenaan.

Katanya, UMP telah menikmati pembangunan yang memberangsangkan hasil perkhidmatan dan sokongan mereka terdahulu dan pihak universiti amat menghargainya.

Dato' Dr. Daing juga mengingatkan warga universiti tentang sikap, teknik dan intervensi yang merupakan faktor penting dalam menggerakkan transformasi UMP untuk menjadi lebih cemerlang dan gemilang.

Beliau mengharapkan program sebegini dapat memberi inspirasi kepada pegawai yang lain untuk sama-sama menerajui universiti dengan lebih cemerlang serta terus menabur budi dan jasa dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Antara yang dirai adalah Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Profesor Madya Dr. Normah Othman, Profesor Ir. Dr. Jailani Salihon, Profesor Madya Dr. Abdullah Ibrahim dan Profesor Madya Zulkafli Hassan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim.

Sebagai penjawat awam, slogan 'Berkhidmat Untuk Negara' amat sinonim bukan sahaja tertumpu semata-mata atas kepentingan perkhidmatan namun membabitkan soal amanah dan ibadah.

- Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim